

BAB 2

KUMPULAN WANG

2.1 DEFINISI

2.1.1 Kumpulan wang adalah kumpulan akaun yang menyokong operasi dan aktiviti kewangan Universiti. Kumpulan Wang berkenaan mengakaunkan pendapatan, perbelanjaan, aset dan wang amanah serta pelbagai dana Universiti.

2.2 KUMPULAN WANG UNIVERSITI

Untuk membezakan sumber dana, tujuan dan jenis pembayaran serta penerimaan, Universiti telah mewujudkan Kumpulan Wang berikut:

2.2.1 Kumpulan Wang Mengurus

Kumpulan wang ini mengakaunkan geran peruntukan mengurus yang diterima daripada Kerajaan/Kementerian, pendapatan dan perbelanjaan operasi Universiti.

2.2.2 Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan wang ini mengakaunkan geran peruntukan pembangunan yang diterima daripada Kerajaan/Kementerian bagi membiayai projek-projek pembangunan Universiti yang telah diluluskan.

2.2.3 Kumpulan Wang Penyelidikan

Kumpulan wang ini mengakaunkan geran peruntukan penyelidikan yang diterima samada daripada Kerajaan/Kementerian dan perbelanjaan berkaitan dengan penyelidikan berkenaan.

2.2.4 Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan

Kumpulan wang ini mengakaunkan jumlah pinjaman yang dikeluarkan dan juga bayaran balik pinjaman (amaun pokok sahaja) yang terdiri daripada pembiayaan kenderaan, komputer dan telefon pintar (*smartphone*).

2.2.5 Kumpulan Wang Amanah

Kumpulan wang ini mengakaunkan semua wang dan harta yang diterima daripada pihak-pihak tertentu tertakluk kepada maksud amanah dan digunakan mengikut terma-terma amanah. Perbelanjaan kumpulan wang ini adalah berasaskan sumber dan peruntukan yang diterima. Tabung amanah yang ditubuhkan di peringkat Universiti akan digabungkan bersama bagi mengakaunkan Kumpulan Wang Amanah Universiti.

2.2.6 Kumpulan Wang Pendapatan

Kumpulan wang ini mengakaunkan keseluruhan hasil dan pendapatan Universiti serta perbelanjaan khusus yang tidak diperuntukkan dalam perbelanjaan mengurus Universiti.